

## **Seminar Managing Workplace Conflict: Alternative Dispute Resolution Lesson Learned From Australia**

Oleh: Ong Lian Kuan & Dzulzalani Eden

Satu seminar yang bertajuk “Alternative Dispute Resolution: Lesson Learned From Australia” telah diadakan di Bilik Multimedia 1 Fakulti Sains Sosial pada 28 Oktober 2015. Seminar ini telah dianjurkan oleh Program Kajian Hubungan Industri dan Perburuhan, Fakulti Sains Sosial UNIMAS. Kali ini, pihak UNIMAS dengan bangganya menjemput pensyarah jemputan dari Swinburne University of Technology Australia iaitu Profesor Bernadine Van Gramberg selaku Pro-Vice Chancellor, Graduate Research and Research Training di Swinburne University of Technology, Melbourne Australia. Intipati pembentangan beliau menjurus kepada ‘Dispute Resolution’ dalam konteks penyelesaian pertikaian di antara majikan dan pekerja. Beliau mempunyai kepakaran dalam bidang Alternative Dispute Resolution dan telah terlibat di dalam pengendalian pertikaian (Dispute Resolution) selama 15 tahun di Public Transport Corporation of Victoria, Australia sebelum menceburi bidang akademik. Setelah menceburi bidang akademik beliau telah memegang pelbagai jawatan di tiga Universiti di Australia iaitu Victoria University, RMIT University dan yang terkini Swinburne University. Beliau telah menulis lebih daripada 50 buah makalah di dalam buku, jurnal dan prosiding konferan. Buku paling popular beliau tulis dan telah digunakan sebagai rujukan utama di kebanyakan universiti di Australia ialah ‘Managing Workplace Conflict – Alternative Dispute Resolution in Australia’



**Profesor Bernadine Van Gramberg sedang memberikan ceramah berkaitan Dispute Resolution**

Seminar tersebut telah mendapat sambutan dari pihak atasan Fakulti Sains Sosial. Hal ini demikian kerana Dekan Fakulti Sains Sosial iaitu Prof. Madya Dr Neilson Ilan Mersat dan Timbalan Dekan Fakulti Sains Sosial iaitu Prof. Madya Dr Mus Chairil Samani serta Dr John Phoa Chui Leong selaku Ketua Jabatan Pembangunan Fakulti Sains Sosial juga turut menghadiri seminar tersebut. Selain itu, terdapat juga pensyarah kanan Fakulti Sains Sosial yang lain seperti Dr Goy Siew Ching, Dr Ahmad Nizar b. Ya'akub, Dr Dzulzalani Eden dan ramai lagi.



**Dekan Fakulti Sains Sosial serta pensyarah-pensyarah juga turut serta menghadiri seminar.**

Seminar tersebut bermula pada jam 10.00 pagi dan tamat pada jam 12.00 tengah hari. Penyertaan seminar tersebut mendapat sambutan yang positif dari pelajar tahun 2 dan tahun 3 dari Program Kajian Hubungan Industri dan Perburuhan. Semasa seminar berjalan, peserta dengan penuh konsentrasi mendengar penceramah di samping berpeluang untuk menyuarakan kemusykilan kepada penceramah.



**Pelajar-pelajar sedang aktif mendengar ceramah**

Profesor Bernadine Van Gramberg telah menjawab segala persoalan dari peserta dengan terbuka dan interaktif.

Secara keseluruhannya, program ini telah berjalan dengan lancar dan program seperti ini akan diteruskan lagi pada masa yang akan datang. Program ini secara keseluruhannya juga memberikan pendedahan kepada pelajar mengenai perundingan dan penyelesaian pertikaian khasnya di tempat kerja di Australia.



**Profesor Madya Dr Neilson Ilan Mersat selaku Dekan Fakulti Sains Sosial menyampaikan cenderahati kepada penceramah**



**Sebelum bersurai, Dekan, pensyarah-pensyarah dan pelajar Kajian Hubungan Industri dan Perburuhan bergambar dengan penceramah sebagai kenangan.**